

EAG sumbang panel solar bantu USIM bangun teknologi hijau

SEREMBAN 19 Nov. - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) memperluas penyelidikan dalam bidang pembangunan teknologi hijau menerusi jalinan kerjasama antara syarikat perunding teknologi hijau, EAG Consulting Sdn. Bhd. (EAG).

Kerjasama tiga penjurutur turut melibatkan syarikat automotif Vision Motor Sports Sdn. Bhd..

Usaha sama itu menyaksikan EAG menyumbang sebanyak 30 unit panel solar bernilai RM90,000 untuk dipasang di Fakulti Sains dan Teknologi (FST), USIM bagi tujuan menjalankan penyelidikan tenaga hijau.

Pengarah Urusan EAG, Raja Hizad Raja Kamarulzaman berkata, sumbangan itu merupakan sebahagian daripada program tanggungjawab sosial korporat syarikatnya dalam memastikan kelestarian alam sekitar.

"Usaha ini juga selari dengan hasrat kerajaan mengurangkan kesan rumah hijau, malah sumbangan solar panel ini tepat pada masanya kerana USIM sendiri berhasrat menjadi institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang mesra alam dari segi penggunaan tenaga boleh diperbaharui.

"Saya dimaklumkan panel solar ini akan digunakan sebagai projek rintis mewujudkan stesen pengecas telefon bimbit dan komputer riba pelajar," katanya dalam majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) mengenai kerjasama itu di sini hari ini.



Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) USIM, Prof. Dr. Mustafa Mohd. Hanefah dan Pengerusi Vision Motor Sports, Tan Sri Abdul Halil Abdul Mutalib.

Menurut Raja Hizad, USIM dijangka menggunakan panel solar itu bagi tujuan menjalankan penyelidikan bagi penghasilan lampu jalan LED.

"USIM merupakan institusi pendidikan kedua yang berkecualan menerima panel solar ini yang mana kami telah menjalankan kerjasama menyumbang kepada Sekolah Mutiara International Grammar School pada September lalu," katanya.

Sementara itu, Mustafa berkata, inisiatif tersebut bakal membuka ruang kerjasama yang menguntungkan antara USIM dan kedua-dua rakan industri berkenaan.

Antaranya, kata beliau, mewujudkan tempat latihan industri kepada penuntut USIM selain berkongsi kepakaran.

"Dalam masa sama, kerjasama itu turut memudahkan pihak universiti menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang berpotensi," katanya.



MUSTAFA Mohd. Hanefah (tengah) bersama Raja Hizad Raja Kamarulzaman (kiri) dan Abdul Halil Abdul Mutalib membelek dokumen MoU bagi penyerahan panel solar kepada USIM pada majlis menandatangani MoU antara USIM dan EAG Consulting Sdn. Bhd serta Vision Motor Sports Sdn. Bhd di Seremban, Negeri Sembilan, semalam . - UTUSAN/ ABD RAZAK AID